




UniMAP



UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSelor 2008

**“Berminda Strategis,
Bertindak Progresif”**

**19 Februari 2008
Dewan Kapitol UniMAP**





UniMAP

UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSOLOR 2008

“Berminda Strategis, Bertindak Progresif”

**Y. Bhg. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis**

**19 Februari 2008
Dewan Kapitol UniMAP**

UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSOLOR 2008

"Berminda Strategis, Bertindak Progresif"



**Y. Bhg. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin
Naib Canselor**



Bismillahir-Rahmanir-Rahim

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Timbalan-Timbalan Naib Canselor,
Pegawai-Pegawai Utama Universiti,
Dekan-Dekan,
Ketua-Ketua Jabatan,

Para Pensyarah, Staf dan Mahasiswa UniMAP yang dihormati dan dikasihi sekalian.

Mukaddimah

Izini saya memulakan ucpatama ini dengan mengajak diri kita, dengan sesuci-suci hati dan sebersih-bersih jiwa, memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah s.w.t yang terus-terusan membentangkan kasih-Nya, dan dalam setiap detik menghamparkan sayang-Nya kepada kita semua tanpa henti. Sewajarnya kita secara berterusan juga sentiasa insaf, bersyukur dan tunduk kepada Allah kerana menganugerahi kita kekuatan potensi jiwa yang berupaya menyempurnakan pertimbangan akal, menyeimbangkan tingkah emosi dan menyuntik kudrat fizikal untuk memungkinkan kita terus mengabdikan diri di bumi-Nya dengan penuh kesabaran dan ketakwaan. Semoga dengan apa jua kelebihan yang Allah kurniakan kepada kita dan kekurangan yang kita miliki, ia akan terus menggolongkan kita ke dalam golongan hamba-Nya yang dikasihi Rasulullah s.a.w. Selawat dan salam untuk junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w anggota keluarga, para sahabat dan seluruh umat Baginda. Hanya dengan bimbingan dan panduan hadis dan sunnah Rasulullah s.a.w kita dapat mensucikan yang kotor, menjernihkan yang keruh dan membetulkan yang salah. Marilah kita bersama-sama bertekad untuk memperbaiki kualiti diri dari sehari ke sehari supaya kita, apabila sampai masanya, dengan mudah Yang Maha Berkuasa menggolongkan kita ke dalam golongan umat Rasul-Nya di dalam syurga yang didamba.

Dalam Ucpatama Tahunan Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis ini, seperti yang pernah saya ucapkan dalam tahun sebelum ini, bahawa saya, mewakili pihak pengurusan UniMAP, berhasrat menyalurkan hasrat dan cita-cita, pandangan dan teguran kepada diri saya dan seluruh warga UniMAP; staf yang saya hormati dan mahasiswa yang saya kasihi. Pada hari ini saya mahu mengulangi kata-kata saya dalam Majlis yang sama pada tahun lalu bahawa medan ini ialah medan bagi saya dan rakan-rakan Pengurusan Utama meletakkan harapan agar setiap kata dan bicara dapat dijadikan asas untuk kita bermuhasabah; tunduk merenung dan mengkritik diri, beriltizam membetulkan setiap gerak yang silap dan salah, mensyukuri setiap langkah kejayaan, dan positif memandang setiap detik yang bakal dilalui pada masa hadapan. Menggunung harapan saya agar

UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSELOR 2008

"Berminda Strategis, Bertindak Progresif"


saudara-saudara dapat menjadikan ucapatama ini sebagai ritual yang bermakna. Ritual yang berusaha memberikan gambaran tentang tuntutan semasa, hala tuju tercita, dan matlamat bersama. Melaut impian saya agar ritual ini dapat dijadikan landasan untuk kita merobah kebiasaan minda selesa, tingkah bicara biasa, dan tindakan-tindakan yang tenggelam punca. Marilah kita memanfaatkan masa yang dikurniakan Allah ini untuk memperbaharui tekad, semangat, dan sikap agar dapat memenuhi tuntutan agama, bangsa dan negara seluruhnya. Saya berdoa agar Allah membuka pintu hati kita seluas-luasnya dan menguak jendela minda kita selebar-lebarnya supaya akhirnya kita berupaya meraut dan mengukir wajah Universiti ini mengikut cara dan gaya yang kita sepakati bersama.

Antara Masa dan Tanggungjawab

Saudara-saudara yang dikasihi, hari ini sudah genap enam tahun tiga hari UniMAP ditubuhkan. Hari ini sudah satu tahun 19 hari UniMAP diberi nama. Terasa sepantas halilintar masa meninggalkan kita. Justeru, pada hari ini tergerak rasa hati untuk bertanya tentang soalan-soalan yang lazim dijadikan pertanyaan oleh khatib-khatib di mimbar Jumaat:

- » Bagaimanakah kamu menggunakan masa mudamu sebelum tibanya hari tua.
- » Bagaimanakah kamu menggunakan masa lapangmu sebelum tibanya kesibukan.
- » Bagaimanakah kamu menggunakan masa sihatmu sebelum tibanya masa sakit.
- » Bagaimanakah kamu menggunakan kekayaanmu sebelum tibanya kefakiranmu.
- » Bagaimanakah kamu menggunakan masa hidupmu sebelum tibanya maut.

Saya amat tertarik pada hadis Rasulullah s.a.w yang amat mendalam maknanya ini. Kita semua maklum bahawa hadis ini ialah hadis yang merujuk kepentingan masa dalam kehidupan. Hadis ini mengingatkan kita supaya memanfaatkan masa sebaik mungkin kerana apabila sampai masanya kelak kita akan ditanya dan dihisab oleh Allah tentang cara kita menggunakannya. Jika keseluruhan umur muda/masa lapang/masa sihat/masa hidup kita digunakan dengan sebaik-baiknya, maka Allah menjanjikan sebaik-baik pembalasan. Sebentar tadi saya mengatakan bahawa sudah genap enam tahun tiga hari UniMAP ditubuhkan. Dalam jangka masa yang menyamai 48,384 jam yang telah kita lalui bersama bagaimanakah kita menggunakan dan mengisinya? Apakah yang telah kita lakukan dalam jangka masa 2.9 juta minit yang telah meninggalkan kita?



Dengan berfikir secara lebih halus, pertanyaan yang bermula dengan kata tanya 'bagaimana' ini pada hakikatnya meminta kita menjawab 'cara' kita menggunakan masa. Jika dikaitkan dengan kehidupan kita di UniMAP, pertanyaan ini boleh dikemukakan begini:

- » “Selama enam tahun tiga hari saya di UniMAP, bagaimanakah masa muda, masa lapang, dan masa sihat saya isi dan gunakan?”
- » “Selama 48,384 jam saudara-saudara di UniMAP, apakah tindakan-tindakan baik dan/atau inisiatif-inisiatif baru yang telah anda saran dan lakukan?”
- » “Setelah selama satu tahun 19 hari berkhidmat dengan universiti yang bernama UniMAP, apakah usaha-usaha 'baik' yang telah kita lakukan supaya apabila ditanya oleh Allah kelak, dengan yakinnya kita dapat memberikan jawapan yang positif tanpa ragu-ragu.

Jika inilah pertanyaan-pertanyaan yang ditanyakan Allah kepada kita kelak, ternyata bahawa segala idea, usaha, inisiatif, tindakan dan keputusan yang kita kemukakan, lakukan, ambil dan laksana kelmarin, hari ini, esok dan selama-lamanya selagi kita bergelar warga UniMAP adalah amat bermakna. Bermakna yang saya maksudkan ialah, kaitannya dengan untung/ruginya nasib yang bakal kita terima di akhirat kelak. Oleh sebab itu, dengan rasa rendah diri dan rasa bertanggungjawab terhadap saudara-saudara yang saya pimpin, sukacita saya mengingatkan bahawa melaksana 'kerja' dan 'tanggungjawab' hendaklah sentiasa disematkan dalam akal, hati dan jiwa sebagai ibadah. Sebagai *abid* atau hamba yang Maha Pencipta dan Maha Berkuasa, kita tidak mempunyai pilihan lain selain daripada sentiasa beribadah, dalam pengertian yang luas, jika kita mahu menerima pembalasan yang baik daripada Allah sama ada di dunia atau apabila sampai masa yang dijanjikan oleh Allah kelak di Padang Mahsyar, pada hari pembalasan. Semoga kita semua digolongkan ke dalam golongan umat Muhammad s.a.w dan diberi sebaik-baik ganjaran seperti yang dianugerahkan kepada hamba-hamba yang dikasihi Allah.

Saudara-saudara yang dikasihi.

Pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan tadi jika semakin diteliti lebih halus, semakin memberikan pengajaran yang lebih bermakna untuk kehidupan kita di dunia yang dikatakan sebagai jambatan kehidupan di akhirat. Dalam penelitian saya, didapati bahawa pertanyaan yang dikemukakan mengajak kita berfikir lebih jauh dan mendalam. Saya mendapati bahawa hadis ini tidak sekadar membentangkan makna yang selapis. Saya merasai bahawa hadis ini mengandungi pemikiran yang jauh lebih bermakna dalam lapisan kedua pengertian yang dibawanya. Pertanyaan

UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSOLOR 2008


"Berminda Strategis, Bertindak Progresif"



yang bermain dalam fikiran saya apabila membaca hadis ini ialah "Mengapakah Rasulullah s.a.w mengaitkan umur muda dengan umur tua? Mengapa masa lapang dikaitkan dengan kesibukan? Mengapa sihat dikaitkan dengan sakit?" Logika permukaannya tentulah umur muda datang dulu sebelum menjenguknya umur tua. Lakah Rasulullah s.a.w sekadar mahu membuat suatu pembezaan bagi sela masa atau tahap kesihatan yang ekstrem itu supaya kita berfikir? Tetapi mengapa pula pertanyaan itu mengaitkan kekayaan dengan kefakiran? Hidup dengan maut? Bukan semua orang berpeluang menikmati kekayaan yang kemudiannya ditimpa kefakiran atau kefakiran yang kemudiannya dianugerahi kekayaan! Dalam kehidupan, antara sihat dan sakit silih berganti dan kita tidak berupaya menentukan bila masa kita akan sihat dan bila pula akan ditimpa kesakitan. Jadi, apakah sebenarnya yang mahu dikongsi oleh Rasulullah s.a.w dengan umatnya lewat hadis Baginda yang amat bermakna ini?

Saudara-saudara sekalian, saya akuihlah bahawa saya bukan orang yang alim tentang hadis. Tetapi, berdasarkan kesungguhan mahu memahami pengertian hadis ini daripada segi pemikiran yang dikandungnya, saya terus-terusan memikirkannya secara serius dengan mengaitkannya dengan pengetahuan-pengetahuan lain yang saya miliki. Dan akhirnya saya menemui suatu denominator sepunya atau *common denominator* bagi kelima-lima pertanyaan yang dikemukakan. Dalam pemikiran saya, hadis ini mengajak kita supaya menjadi *strategist* (strategis) atau insan yang berfikiran strategik dan menciptakan strategi tertentu dalam apa jua tindakan yang mahu kita laksana pada masa akan datang dengan mengambil kira keperluan semasa dan pengalaman yang dilalui pada masa lampau. Oleh sebab itu, pertanyaan-pertanyaan Rasulullah s.a.w itu wajar jika ditafsiri dengan pertanyaan-pertanyaan lapisan kedua yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab kita sebagai pekerja, iaitu:

- » Apakah strategi kerja kita pada masa muda (yang masih bertenaga) sebelum tibanya masa tua (yang secara relatifnya kurang berupaya) sebelum diberi nikmat muda yang berpanjangan di akhirat kelak?
- » Apakah strategi kerja kita pada masa masa lapang sebelum tibanya kesibukan sebelum diberi nikmat kelapangan yang berterusan di akhirat kelak?
- » Apakah strategi kerja kita pada masa sihat sebelum tibanya masa sakit sebelum diberi nikmat sihat yang tidak tersekat di akhirat kelak?
- » Apakah strategi kerja kita pada masa kaya sebelum tibanya kefakiran supaya kekayaan abadi dapat dinikmati di akhirat?

- 
- » Apakah strategi kerja kita semasa hidup sebelum tibanya maut untuk berhadapan dengan kehidupan yang tiada noktahnya di akhirat?

Ada banyak persoalan lain yang dapat kita bangkitkan berkaitan dengan soalan-soalan ini. Namun, pada pagi yang mencabar daya fikir dan daya rasa kita hari ini saya mahu mengajak saudara-saudara yang saya kasihi memikirkan konsep *strategy* (strategi) dan konsep-konsep yang berkaitan dengannya.

Strategi: Antara Makna dan Pengisian

Maaf saudara-saudara yang saya kasihi. Hari ini saya tidak berhasrat memperkecil pemahaman saudara-saudara tentang konsep strategi. Kita selalu menggunakan kata strategi. Pemain bolasepak kita selalu berkata, "Kita mesti ada strategi untuk menang." Dan ternyata pasukan bolasepak kita selalu menang. Benarkah kemenangan kita kerana pemain kita ada strategi? Apakah makna strategi bagi pemain bolasepak kita? Samakah makna strategi yang digunakan mereka dengan makna strategi yang digunakan di peringkat universiti apabila kita menganjurkan Bengkel Perancangan Strategi? Identikakah pemahaman kita semua yang telah menghadiri beberapa Bengkel Perancangan Strategi tentang konsep strategi yang menarik perhatian saya masa ini? Saya menimbulkan pertanyaan ini kerana jika pemahaman kita tidak sama tentang makna konsep ini, diragui kelak pola tindakan; arah inisiatif; dan hala tuju yang kita terokai tidak sekata. Jika tidak sama; tidak sekata, akhirnya ke mana hendak kita bawa universiti ini? Justeru, saya berpendapat bahawa ada baiknya kita menyelesaikan masalah asas ini terlebih dahulu sebelum membicarakan aspek-aspek yang berkaitan dengannya secara lebih terperinci.

Saya berpendapat bahawa majlis ini merupakan majlis yang amat sesuai untuk kita membincangkan perihal konsep strategi kerana sebentar lagi, seperti yang dirancang, kita akan melancarkan dokumen Pelan Strategi UniMAP 2008-2010. Di samping itu, dalam majlis inilah kebanyakan warga kerja UniMAP daripada semua lapisan hadir. Jadi, medan ini, pada hari ini ialah wadah yang terbaik untuk kita bersama-sama meninjau semula makna konsep ini supaya setiap warga UniMAP berkongsi makna tentang konsep yang saya fikirkan amat penting difahami semua.

Terdapat beberapa banyak definisi strategi yang diberikan oleh pakar dalam bidang pengurusan. Secara mudah strategi ialah pelan tindakan yang diciptakan untuk mencapai matlamat tertentu yang lazimnya kita namai sebagai kejayaan. Strategi dikatakan juga sebagai perancangan yang komprehensif dan bersepadu (yang dimulai oleh aktiviti membina visi, misi dan matlamat, dan diikuti pula oleh usaha membuat analisis KLAP, menetapkan objektif, pelan tindakan dan inisiatif,

UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSOLOR 2008

"Berminda Strategis, Bertindak Progresif"

melaksana dan memantau pelaksanaan strategi, menilai prestasi dan diakhiri dengan membuat tindakan pembetulan) untuk memastikan kejayaan organisasi dalam jangka masa panjang dengan memanfaatkan peluang-peluang yang wujud, dan dalam masa yang sama meminimumkan impak ancaman yang mungkin menghalang perkembangan. Namun, untuk memudahkan tugas saya pada pagi ini, saya memilih untuk merujuk definisi yang diberikan oleh Hitt, Ireland dan Hoskisson di dalam buku *Strategic Management* (2003):

"Strategi ialah suatu set komitmen/iltizam dan tindakan yang bersepadu dan terselaras yang direkabentukkan dengan mengeksploit (memanfaatkan sesuatu secara terbaik) kompetensi teras untuk mencapai kelebihan daya saing (*competitive advantage*)."

Mungkin definisi ini bukan definisi yang terbaik bagi semua orang. Tetapi saya berasa selesa menggunakannya kerana sifatnya yang dapat memberikan gambaran tentang elemen-elemen yang terlibat dalam proses membuat strategi. Definisi ini menggunakan beberapa frasa dan istilah yang menarik untuk kita bincangkan bersama, dan seterusnya bertanya kepada diri kita sama ada apa jua yang telah kita lakukan sebelum ini menepati konsep strategi atau sebaliknya. Antara frasa dan istilah yang mahu saya bincangkan ialah 'suatu set komitmen/iltizam,' 'tindakan yang bersepadu dan terselaras,' 'mengeksploit kompetensi teras,' dan 'kelebihan daya saing.'

Komitmen/Iltizam

Apakah yang dimaksudkan dengan **suatu set komitmen/iltizam**? Komitmen ialah keterikatan (*adherence*) kita pada sesuatu secara intelektual dan emosional. Di dalam kamus, kata *adherence* diterjemah sebagai tidak berganjak, berpegang teguh, taat, setia, patuh pada sesuatu yang dipercayai. Dalam bahasa mudah, *adherence* bermaksud tidak berbelah-bagi. Ringkasnya, jika kita telah komited tentang atau pada 'sesuatu', maka fikiran dan emosi kita perlulah berpegang teguh dan patuh pada 'sesuatu' itu. Sebagai contoh, kita telah bersepakat menerima "Institusi Akademik dan Penyelidikan yang Berdaya Saing di Persada Antarabangsa" sebagai visi dan bersetuju menerima "Melahirkan Modal Insan Kamil yang Menyumbang kepada Agenda Pembangunan dan Daya Saing Industri Negara" sebagai misi kita, maka wajarlah fikiran dan emosi kita tidak berbelah-bagi, malah perlu berpegang teguh pada tanggungjawab melaksana misi suci itu. Sewajarnya kita tidak berganjak walau seinci pun, malah patuh pada perjuangan menjadikan UniMAP sebagai institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa. Kepatuhan dan kesetiaan kita yang tidak berbelah-bagi itu tidak boleh bersifat sementara, sekejap yakin; sekejap sangsi; hari ini dipersetujui; esok diragui. Sebaliknya, kita mestilah meyakini kesepakatan dan persetujuan itu



secara berterusan walau apa pun cabaran yang mungkin mencabar dan mencengkam kita dalam usaha memperjuangkannya. Kata peribahasa Cina: *Bai zhe bu nui* (maksudnya, walaupun berdepan dengan seratus selekoh, kita tetap tidak akan berundur diri). Justeru, selepas ini saya berharap agar semua warga kerja UniMAP akan berpegang teguh pada apa jua keputusan yang telah ditetapkan, sama ada kita bersetuju atau sebaliknya kerana keputusan yang kita tetapkan itu ialah keputusan yang telah mengambil kira idea dan pandangan kebanyakan staf. Kita telah beberapa kali mengadakan kursus dan Bengkel Perancangan Strategik sejak ditubuhkan. Dalam medan itulah saya dan rakan-rakan Pengurusan Utama mendengar dan menilai idea dan pandangan staf tentang masa depan UniMAP. Jadi, demi masa depan UniMAP yang lebih gemilang, adalah lebih sempurna jika kita memberikan tumpuan melaksana apa jua keputusan yang telah dipersetujui bersama daripada menggunakan tenaga untuk berterusan berbeza pendapat.

Saya tidak bermaksud bahawa kita tidak boleh berbeza idea, pendapat dan pandangan. Nilai Islam menetapkan bahawa perbezaan pendapat ialah rahmat. Saya akur dengan anjuran itu. Tetapi, seandainya kita telah bersetuju tentang sesuatu, maka tumpuan tanpa berbelah-bagi hendaklah diberikan kepada apa-apa yang telah kita persetujui, bukannya pada elemen-elemen yang tidak kita sepakati bersama. Inilah nilai ajaran agama kita. Setelah bermusyawarah, kita berijtihad (dalam pengertian yang umum), dan kemudiannya komited dan bertindak berdasarkan ijtihad yang telah kita laksana bersama. Di samping itu, perlulah difahami juga bahawa apa jua yang ditetapkan di dalam Dokumen Pelan Strategik 2008-2010 bukanlah ayat Allah atau hadis Rasulullah s.a.w yang tidak akan berubah atau tidak boleh diubah. Sesuai dengan sifatnya sebagai pelan strategik, hala tuju UniMAP yang terkandung di dalamnya sewajarnya sensitif dengan perkembangan dan perubahan persekitaran yang menjadi satu daripada faktor penting yang menentukan keberkesannya. Apabila kita merasai bahawa persekitaran yang melingkungi Universiti ini berubah, maka pada ketika itulah kita akan berkumpul dan bersidang semula untuk membuat perubahan-perubahan yang sesuai dan serasi dengan perubahan yang berlaku.

Inilah maksud dan jenis komitmen yang kita dambakan daripada semua warga kerja UniMAP dalam usaha kita mengangkat jenama UniMAP di tengah-tengah gelombang globalisasi yang pada fikiran saya, amat ganas dan menggerunkan. Komitmen yang lebih utuh diperlukan apabila kita telah bersetuju dan bersepakat untuk mengejar dan mencapai sasaran-sasaran yang kita tetapkan bersama. Jika kita telah membuat keputusan untuk menetapkan 17 sasaran bagi Penunjuk Prestasi Utama (KPI) kelak, maka itulah perjuangan utama kita dalam beberapa tahun ke hadapan ini. Untuk merealisasikannya, kita memerlukan komitmen daripada semua. Tanpa komitmen semua warga kerja, sebagai suatu syarat untuk menjadi strategis, pada hakikatnya kita telah tewas dan kecundang sebelum masuk ke gelanggang perjuangan yang sebenar. Pada logik akal, apalah gunanya kita

UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSOLOR 2008

"Berminda Strategis, Bertindak Progresif"



menetapkan sasaran yang perlu dicapai dalam sesuatu jangka masa jika kita tidak komited dan berusaha dengan bersungguh-sungguhnya untuk mencapainya. Sasaran bukan sejambak hiasan, tetapi alat yang digunakan untuk mengingatkan kita tentang tahap pencapaian semasa sama ada menepati perancangan atau sebaliknya. Dengan menggunakan alat itu saya berharap agar kita sedar tentang status semasa kita. Jika sasaran dicapai lebih awal daripada jangka masa ditetapkan, maka bolehlah kita mengatakan bahawa kita telah bekerja dengan efisien. Jika kita telah melaksana semua inisiatif yang diperlukan dengan betul untuk mencapai sasaran, barulah boleh kita mengatakan bahawa kita bekerja dengan efektif. Tetapi jika semua yang diusahakan tidak menjadi, maka sesuatu perlu dilakukan, dan perlu dilakukan segera supaya kita tidak dikategorikan sebagai pekerja atau universiti yang tidak efisien dan efektif. Ini pandangan saya. Jika kita mahu digelar sebagai pekerja atau universiti yang efisien dan efektif, kita perlu meningkatkan komitmen kita semaksimal mungkin. Semua warga UniMAP perlu meningkatkan komitmen kerja masing-masing tanpa ada seorang pun yang terlepas daripada syarat ini jika kita mahu berjaya pada masa akan datang.

Adakah gesaan ini gesaan yang melampau? Bernheim dan de Souza Chaui dalam penelitian mereka tentang cabaran-cabaran universiti dalam masyarakat berpengetahuan atau k-society yang dibentangkan dalam *UNESCO Forum Occasional Paper Series* menyebut bahawa:

"There is talk of the emergence of a "new academic culture," comprising a "culture of quality and evaluation," a "culture of relevance," an "informatics culture," a "culture of effective strategic management," a "culture of international openness," and a "social accountability culture." The term culture is used here in the sense that concern with these aspects is turned into day-to-day practice for the institutions in question, with consequences regarding their work, and not into a mere "custom" of no greater consequences."

Inilah elemen budaya akademik yang baru. Universiti bukan sekadar tempat menyampaikan dan mengongsi ilmu dan pengetahuan semata-mata, tetapi perlu menjalankan beberapa banyak proses lain secara efektif dan efisien untuk terus mengekalkan kedayasaingannya di dalam negara dan di persada antarabangsa sebagai institusi pendidikan. Dan pewujudan budaya-budaya disebut oleh penulis-penulis itu tadi tidak merujuk tugas dan tanggungjawab para pentadbir sahaja, malah memerlukan komitmen semua warga kerja dalam usaha menjamin semua inisiatif dapat dilaksanakan dengan cemerlang.



Tindakan yang Bermakna: Setakat Mana Tindakan Kita Bermakna?

Saudara-saudara yang disayangi Allah sekalian.

Dengan hanya memiliki fikiran yang tidak berbelah-bagi dan emosi yang mantap, yang menjadi makna konsep 'komitmen' atau 'iltizam,' berdasarkan definisi strategi yang digunakan tadi, adalah tidak mencukupi. Tidak cukup kita membuat keputusan, dan fikiran kita mempersetujui sesuatu yang kita persetujui; tidak memadai kita bersepakat untuk melaksana atau mencapai sesuatu, dan perasaan kita begitu ghairah untuk menggapainya, tetapi jika tidak diikuti dengan **tindakan yang bermakna** untuk merealisasikannya, akan sia-sialah tenaga yang digunakan untuk memikirkan dan merasai keputusan-keputusan yang telah kita putuskan bersama. Era berfikir tentang apa yang perlu dilaksana dan apa yang perlu dicapai telah berlalu, meskipun elemen-elemen ini mestilah selalu tersemat utuh dalam fikiran dan perasaan. Akal dan perasaan kita telah membuat keputusan. Sedarlah bahawa, keputusan tanpa tindakan sama maknanya dengan kegagalan. Oleh sebab itu, waktu ini hendaklah dijadikan waktu kita melaksana keputusan. Hari ini wajarlah dijadikan hari yang diisi penuh dengan pelbagai tindakan. Era ini ialah era kita mengisi kehendak fikiran dan memenuhi kemahuan perasaan. Sekarang ialah masanya kita menjelmakan keputusan dalam bentuk-bentuk tindakan yang bermakna. Fahami dan ingatilah bahawa keputusan tanpa tindakan sama maknanya dengan ketewasan.

Jika sebelum ini kita telah mengenal pasti ratusan kelemahan kita sebagai suatu organisasi yang bernama UniMAP, sama ada dalam bentuk sikap atau proses, maka inilah ruang masa dan peluang kita memperbetul yang salah dan silap; inilah saatnya kita perlu meluruskan yang bengkok; inilah ketikanya kita wajar mengurangkan yang hina; inilah eranya kita perlu memperbanyak yang mulia; inilah detiknya kita patut mensucikan yang kotor dan inilah detiknya kita perlu menyempurnakan yang cacat. Inilah saat dan ketikanya kita bersepakat untuk berusaha mencapai kecemerlangan. Inilah waktunya kita perlu bertindak jika kita tidak sanggup berhadapan dengan ketewasan. Kemenangan hanya akan dicapai jika kita bertindak. Maksud saya, bertindak dengan panduan ilmu yang benar dan jiwa yang ikhlas. Hanya dengan cara inilah kecemerlangan sejati akan kita nikmati, dan akan kita nikmati bersama. Apalah gunanya kita menyusun taktik, teknik dan strategi untuk berjaya jika kita tidak berusaha melaksana taktik, teknik dan strategi yang diciptakan? Jika kita telah bersepakat untuk mencapai status MS ISO 9000:2001 pada akhir tahun ini, maka kita semua hendaklah mengusahakannya, bertindak dan bekerja sehingga tercapai hasrat kita bersama untuk menjadikan sistem pengurusan akademik kita berkualiti. Dan, alang-alang bekerja dan bertindak biarlah: "Yang dimakan, dirasa; yang dilihat, berupa; dan yang didengar, berbunyi." Bertindak dan buatlah sesuatu

UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSOLOR 2008

"Berminda Strategis, Bertindak Progresif"



kerja dan inisiatif itu dengan sempurna. Alang-alang berkualiti, biarlah mencapai tahap kualiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Lantaran, saya menyeru agar semua warga kerja UniMAP supaya bertindak dan bekerja untuk merealisasikan kemahuan fikiran dan kehendak perasaan yang disepakati kerana bertindak menjadi syarat kedua untuk kita berjaya sebagai strategis di institusi mulia ini. Bertindaklah dengan bersungguh-sungguhnya kerana Rasulullah pernah berpesan bahawa "Allah sayang akan orang yang bekerja; dan kalau mereka bekerja, mereka bekerja dengan bersungguh-sungguhnya."

Dalam usaha kita bertindak dan mengambil inisiatif-inisiatif baru yang belum dilaksana sebelum ini, seperti yang disaran oleh definisi yang dirujuk, **findakan** kita mestilah **bersepadu dan terselaras**. Seperti yang saya sebut tadi, kita akan melancarkan dokumen Pelan Strategik UniMAP 2008-2010 di bawah tema "Mempermentap Kedayasaingan." Dokumen ini mengandungi suatu set matlamat jangka panjang dan jangka sederhana; dan suatu set inisiatif baru yang perlu diusahakan, dilaksana dan dicapai oleh kita semua. Matlamat dan inisiatif yang diputuskan secara bersama ini pastinya tidak akan menjadi kenyataan jika masing-masing kita mencuba mencapai dan melaksananya secara sendiri-sendiri atau terpicil tanpa mengambil kira hubungannya dengan inisiatif rakan sekerja/unit/jabatan/pusat pengajian yang lain. Misalnya, kita telah membuat keputusan untuk mengkomersialkan produk-produk penyelidikan kita supaya usaha-usaha kita itu dapat dijual kepada pihak-pihak yang menghargainya, maka semua pihak yang berkaitan sewajarnya bertindak secara bersepadu untuk menghasilkan penyelidikan yang berdaya komersial. Saya faham bahawa tidak mudah untuk menghasilkan penyelidikan yang bernilai komersial, tetapi jika kekuatan fikiran dan kesungguhan usaha tidak dimulakan dan ditumpukan ke arah mencapai matlamat itu, sampai bila pun kita tidak akan berdaya saing. Dan usaha murni seumpama ini bukan boleh dilaksana oleh seorang dua penyelidik sahaja. Usaha seumpama ini hendaklah dijadikan budaya oleh semua penyelidik melalui kaedah 'yang berpengalaman membimbing penyelidik muda, sementara penyelidik muda pula perlu berusaha dengan lebih bersungguh-sungguhnya untuk menjadi penyelidik yang berdaya saing.'

Perlulah diingat bahawa usaha menyelidik yang saudara-saudara laksana itu janganlah sekadar untuk memenuhi keperluan menambahkan pemahaman manusia tentang sesuatu fenomena atau menambahkan pengetahuan manusia tentang sesuatu entiti, tetapi yang lebih bermakna daripada itu ialah hasil penyelidikan saudara-saudara itu dapat memberikan manfaat kepada manusia sejagat jika dapat dimanfaatkan oleh mereka dalam kehidupan seharian. Dalam masa yang sama, jika hasil penyelidikan dapat dikomersialkan, dapatlah universiti mengisi tabung endowmentnya atau yang lebih berat daripada itu yang ditanggung oleh universiti masa kini ialah menyediakan sekitar 20-30 peratus peruntukan perbelanjaan tahunan daripada pendapatan yang dijana sendiri. Inilah yang



saya maksudkan sebagai bertindak secara bersepadu. Semua fikiran dan tenaga dimanfaatkan untuk melaksana sesuatu yang bermakna, dan manfaatnya pula dapat dinikmati oleh seluruh sistem yang membina Universiti ini secara bermakna juga. Oleh sebab itu, sukacita saya menyarankan, dalam konteks contoh ini, agar semua penyelidik (yang berpengalaman dan yang muda), para pegawai tadbir, pegawai sokongan yang berkaitan, dan pusat-pusat pengajian, unit dan jabatan hendaklah memadukan idea dan tenaga secara sedar, serentak dan sistematik untuk melaksana tanggungjawab ini dan membantu memudahkan pelaksanaan tanggungjawab ini supaya kita dapat merealisasikan cita-cita untuk menjadi institusi penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa. Peribahasa Cina mengajar kita supaya:

- » “*Ba xian guo hai, ge xian syen tong*” atau umpama lapan orang dewa-dewi mengharungi lautan, sambil menunjukkan keajaiban, kebijaksanaan dan kepandaian masing-masing (maksudnya, dalam usaha menjalankan sesuatu pekerjaan, setiap individu mempunyai cara dan kepandaian tersendiri demi menjayakan tanggungjawab itu).
- » “*Qun ce qun li*” atau bersama memikirkan strategi; bersama menggunakan daya tenaga (maksudnya, menggunakan kebijaksanaan dan kebolehan anggota dalam kelompok).
- » “*Teng yu tong*” atau bersama dalam satu perahu; menempuh bersama hujan dan badai (maksudnya, bersatu padu dalam usaha menghadapi sesuatu perkara).

Jika setiap cara dan kepandaian individu disinergikan untuk melaksana tanggungjawab dan mencapai suatu matlamat bersama, saya yakin dan insya-Allah, UniMAP akan lebih mudah dan cepat memasuki alam impiannya.

Sehubungan dengan aspek ini, saya berharap juga agar segala inisiatif dapat diselaraskan secara sistematik. Daripada segi penyelarasan pengkomersialan hasil penyelidikan misalnya, kita telah mempunyai Unit R&D, Unit Enterpris Kecil dan Sederhana dan Unit Pembangunan Korporat sebagai unit-unit yang bertanggungjawab. Dengan wujudnya pelbagai unit yang mempunyai tanggungjawab yang berlainan tetapi saling berkaitan dan saling memerlukan ini diharapkan usaha-usaha mencemerlangkan universiti tidak terbantut. Lebih banyak perbincangan, penyelarasan dan sinergi tenaga wajar dilaksana secara bersama dalam mod musyawarah supaya setiap tenaga yang ada dapat menghasilkan *outcome* yang berimpak tinggi. Jika saudara-saudara berpendapat bahawa kita memerlukan satu unit atau pusat yang lebih strategik ditubuhkan untuk memantapkan daya saing kita, dengan justifikasi yang berwajaran, maka saya tidak teragak-agak melaksana cadangan sesiapa juga demi kebaikan dan kepentingan UniMAP. Tampillah dengan wajaran yang

UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSOLOR 2008

"Berminda Strategis, Bertindak Progresif"



bermakna, insya-Allah saya bersedia mendengar dan melaksana idea saudara-saudara.

Sehubungan dengan aspek penyelarasan pelaksanaan Pelan Strategik di UniMAP, saya telah meminta Unit Pembangunan Korporat menubuhkan dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Tetap Pelaksana Pelan Strategik yang dianggotai oleh semua anggota Pengurusan Utama, Dekan dan Ketua Jabatan dan saya akan mempengerusi jawatankuasa ini, dan Jawatankuasa Tetap Pemantau Pelan Strategik. Jawatankuasa kedua ini dianggotai oleh wakil-wakil tetap dari setiap jabatan, pusat pengajian dan unit. Saya memohon agar sesiapa jua yang dicadangkan oleh ketua jabatan masing-masing untuk menganggotai jawatankuasa ini supaya memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi semasa melaksana tanggungjawab baru yang diberikan. Saya difahamkan bahawa anggota jawatankuasa ini memainkan peranan sebagai jurulatih perancangan strategik, pembekal data dan pemantau penunjuk prestasi di peringkat jabatan, pusat pengajian dan unit masing-masing. Jika inilah peranan yang saudara-saudara perlu mainkan, maka tidak syak lagi bahawa peranan saudara-saudara memang penting kerana secara langsung atau tidak langsung, maju mundurnya universiti ini terletak dalam tangan saudara.

Apa pun, sekali lagi saya tegaskan di sini bahawa idea yang baik jika hendak dilaksana sehingga dapat menelurkan *outcome* yang berimpak tinggi, hendaklah dimulakan dengan tindakan. Dan, tindakan kita di UniMAP mestilah dilaksana secara bersepadu dan terselaraskan dengan baik oleh semua tenaga yang terlibat. Fikiran dan kemahuan kita berupaya merancang apa jua yang difikirkan dan dikehendakinya, tetapi jika tindakan untuk melaksana sesuatu perancangan, biarpun sebaik mana, jika tidak disusun dan diselaraskan sebaik mungkin secara bersepadu, memungkinkan perancangan itu menemui kegagalan adalah tinggi. Lantaran, "jika terlentang samalah mengadiah embun; jika tertiarap samalah makan pasir," begitulah adat Melayu yang menganjurkan kita bermuafakat dan menerima apa jua akibat setelah sesuatu itu dimuafakati bersama-sama. Ingatilah bahawa "kelebihan nabi dengan mukjizatnya, kelebihan umat dengan muafakatnya." Pesan saya, apabila hendak bertindak, bertindak dan berusaha:

- » "Bagai Jawi makan; dimamah dahulu, baru dimakan" atau "Sepuluh kali ukur, sekali kerat" (maksudnya, berfikir dahulu masak-masak sebelum melakukan tugas).
- » "Tertimbun dikuis, terbenam diselam" (maksudnya, memeriksa sesuatu dengan teliti).
- » "Tinggi kayu ara, dilangkahi; rendah bilang-bilang, diseludupi" (maksudnya, melakukan sesuatu hendaklah mengikut keadaan yang wajar).



- » “Alang-alang berdakwat, biarlah hitam” (maksudnya, jika membuat sesuatu pekerjaan biarlah sampai berjaya).

- » “Ada hari, adalah nasi” (maksudnya, setiap usaha pastinya akan disusuli kejayaan).

Persoalan nilai yang baik, sikap yang mulia, ciri-ciri pekerja yang cemerlang yang berkaitan dengan bentuk-bentuk tindakan telah banyak saya kongsi dengan saudara-saudara dalam pelbagai majlis, khususnya majlis ini. Jika saudara-saudara membaca semula siri ucapnama dari tahun 2003 hingga tahun lepas dan menjadikannya tabiat dan amalan, rasanya sudah memadai untuk dijadikan landasan bagi UniMAP membuat lompatan saujana ke persada antarabangsa. Pada tahun lalu, dalam majlis yang sama, saya menggariskan beberapa kualiti pekerja yang dikategorikan sebagai “berdaya saing.” Saya menyebut:

“Dalam tafsiran saya, pekerja yang berdaya saing itu ialah pekerja yang mempunyai sikap (cara berfikir, merasa dan bertindak) yang positif daripada kacamata manusia dan Allah. Mereka ialah insan yang proaktif; kreatif; inovatif; mempunyai pengetahuan yang multidisiplin; suka mengambil tahu dan mempelajari kerja yang belum pernah dilaksananya; suka menambahkan ilmu dan kemahiran sama ada secara formal atau tidak formal; berorientasikan pencapaian; menghasilkan kerja yang berkualiti iaitu yang menepati kehendak pelanggan atau dinamai juga sebagai efektif; cekap atau efisien menghasilkan kerja atau menghasilkan kerja dalam jangka masa yang ditetapkan; berupaya menghasilkan kerja yang banyak dengan kos yang rendah tanpa mengorbankan kualiti produk atau perkhidmatan; hasil kerja yang memuaskan hati pelanggan; tidak membazir; komited daripada segi penghasilan idea, tenaga dan usaha; berupaya berkorban masa dan wang ringgit demi melaksana tugas yang diberikan; berakhlak mulia dan mematuhi etika organisasi dan kerja. Inilah barangkali sebahagian daripada sifat dan tret yang menjadi pakaian sikap pekerja yang berdaya saing.”

Tetapi bermaknakah nilai, sikap dan ciri-ciri yang diketengahkan itu kepada kita? Jika bermakna, apa buktinya? Jika bermakna, tentulah terdapat perubahan yang ketara daripada segi tindakan kita melaksana sesuatu proses, tugas dan tanggungjawab. Jika bermakna, dapatkah kita meyakinkan diri kita tentang suatu tindakan atau inisiatif baru yang telah kita ambil atau lakukan sebelum ini. Apakah proses yang telah ditambah baik? Berapa proses? Apakah output dan *outcomenya*? Realitinya masih kedengaran rungutan di sana sini tentang staf yang tidak mengikut peraturan bekerja, tidak mematuhi peraturan pejabat atau universiti, tidak menepati masa, tidak kompeten bekerja dalam satu pasukan,

UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSOLOR 2008

"Berminda Strategis, Bertindak Progresif"



tidak kompeten berkomunikasi sesama pekerja dan dengan ketua, tidak mencuba memperlebar ruang pengetahuan dan kemahiran, dan banyak lagi.

Jika dilantik sebagai pensyarah, kerjanya tersekat sekadar dalam ruang lingkup menyampaikan maklumat dan pengetahuan. Jika kerja sebagai pembantu tadbir, tanggungjawabnya sekadar melaksana kerja-kerja perkeranian sehingga memasang projektor LCD pun perlu menunggu juruteknik datang. Jika juruteknik tiada, tergendalalah program yang dirancangkan. Jika inilah sikap massa staf UniMAP, sehingga tahun 2020 pun kita akan terus berada di tahap ini sahaja sebagai universiti yang terkelompok dalam golongan universiti yang memuaskan. Jika saudara-saudara rela dengan nasib masa depan UniMAP yang sedemikian, saya berasa bahawa saudara-saudara tidak berkongsi cita-cita dengan saya. Terus terang saya katakan bahawa saya tidak sesuai bekerja dengan staf yang jumud. Ertinya, staf yang tidak berusaha sendiri untuk mengembangkan potensi diri sehingga berupaya melaksana pelbagai kerja tanpa mengira apa jua jawatan yang dipegangnya. Saya berasa tidak selesa bekerja dengan staf yang bersikap, "Aku, aku; engkau, engkau." Sikap sebegini tidak sesuai diamalkan di institusi pendidikan yang menjadi tempat kita menyemai adab dan budi pekerti.

Tatkala ini, sewajarnya kita mengambil kesempatan masa era penjenamaan semula KUKUM kepada UniMAP untuk memperbetul apa sahaja yang tidak sesuai dengan budaya organisasi pendidikan yang mulia. Aktiviti penjenamaan semula ini sepatutnya memberikan impak positif kepada tingkah laku dan tindakan kita. Kita sewajarnya merasai kita ini suatu entiti baru apabila diberi nama baru. Apabila kita dapat merasai diri kita ini 'baru,' dan 'muda' semula, barulah kita dapat bersifat dan bertindak semakin dinamik dan progresif. Cuba kita tanya diri kita, apakah persamaan dan perbezaan KUKUM dengan UniMAP? Yang sama ialah insan-insan yang menggerakkannya, bangunan yang sama, peralatan dan mesin yang sama, perabot yang sama dan proses utama yang sama. Jadi, kesimpulannya UniMAP tiada bezanya dengan KUKUM? Namun ada juga yang berbeza? Apa yang berbeza? Terlantiknya staf-staf baru yang menggerakkannya, bertambahnya bangunan-bangunan baru, dan serba sedikit peralatan, mesin dan perabot baru, dan bakal mendapat kampus tetap yang serba baru. Itu sajakah yang berbeza? Jika itu sahaja unsur yang berbeza, adakah pada masa akan datang, jika kita hendak berdaya saing kita perlu menambahkan atau menukarkan yang lama, maka kita akan berdaya saing? Saya yakin saudara-saudara tidak akan bersetuju dengan logika ini. Jadi apa lagi yang patut berbeza?

Apabila KUKUM menjadi UniMAP, saya pasti saudara-saudara masih ingat bahawa gaji kita meningkat; pengalaman mentadbir dan mengurus sewajarnya bertambah; dan jaringan setempat, sewilayah dan sedunia semakin bertambah. Dengan pertambahan-pertambahan positif ini, khususnya



pertambahan staf, pendapatan dan pengalaman; semakin bertambah keefisienan kita mentadbir proses, semakin meningkatkan keberkesanan kita melaksana tugas, dan semakin positifkah produktiviti kita? Jika semuanya meningkat dan positif, apakah buktinya? Apakah *outcomenya*? Jika aspek-aspek penting ini semuanya meningkat, tetapi produktiviti berkeadaan malar, apa gunanya kita menambahkan input-input baru ke dalam proses kita? Bukankah lebih baik kita menjadi KUKUM sahaja dan tidak perlu bersusah payah melaksana aktiviti penjenamaan semula? Suatu ketika tidak lama dahulu kita mengatakan bahawa penjenamaan semula ialah perjuangan kita. Nah sekarang apabila kita telah memilikinya apakah perbezaan antara yang dulu dengan yang sekarang?

Saudara-saudara sewarga UniMAP, aktiviti penjenamaan semula daripada institusi ini berstatus kolej universiti menjadi universiti sewajarnya dapat meningkatkan komitmen kita, sewajarnya menambahkan keprogresifan tindakan, meningkatkan kualiti perkhidmatan, menambahbaik proses-proses yang terdapat cacat cela, meningkatkan integriti, meningkatkan produktiviti dan akhirnya menjulang reputasi kita dalam kalangan pemegang taruh dan masyarakat di seluruh dunia. Jika ini yang berlaku, barulah dapat dikatakan ada perbezaan dan perkembangan. Fikir-fikirkanlah supaya apa jua manfaat yang kita terima dengan wujudnya UniMAP, akhirnya dibalas dengan manfaat juga oleh komitmen dan tindakan kita yang positif. Sebaliknya, jika kelebihan tidak dibalas dengan kelebihan juga maka bersedialah untuk menanti era kemunduran yang akhirnya membawa keparahan kepada kita juga. Fikir-fikirkanlah secara serius pertanyaan dan penyataan ikhlas daripada saya hari ini.

Mengeksploit Kompetensi Teras

Saudara-saudara yang dirahmati Allah sekalian.

Definisi strategi yang kita rujuk turut mengusulkan agar kita **mengeksploit atau memanfaatkan secara positif apa jua kompetensi teras** yang kita miliki. Secara umum kompetensi ialah sifat-sifat yang dimiliki oleh seseorang individu yang mencorakkan keupayaan individu itu untuk melaksana sesuatu pekerjaan dengan cara menyiapkan tugas yang diberikan secara efektif. Sifat-sifat itu terdiri daripada pengetahuan (maklumat yang spesifik tentang kerja dan tugas), kemahiran (keupayaan melaksana kerja yang bersifat fizikal dan mental), sikap (pilihan tingkah laku yang sesuai untuk melaksana tugas), motivasi (dorongan dalaman dan luaran yang kuat untuk melaksana sesuatu kerja), dan nilai (kepercayaan individu tentang 'harga' atau 'mutu' sesuatu sama ada positif atau negatif; tinggi atau rendah). Ringkasnya, jika seseorang individu dikatakan berkemampuan tinggi maka individu itu seharusnya berupaya menangani kebanyakan cabaran dalam apa jua situasi dengan cara yang sewajarnya.

UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSOLOR 2008

"Berminda Strategis, Bertindak Progresif"



Kompetensi teras pula ialah konsep yang diperkenalkan oleh C.K.Prahalad dan Hamel melalui suatu artikel di dalam *Harvard Business Review* dalam tahun 1990. Menurut mereka, kompetensi teras ialah kepakaran khusus dan unik yang dimiliki oleh seseorang individu atau organisasi untuk melaksana sesuatu tugas atau urusan. Sebagai contoh, syarikat Honda ialah pakar enjin; Volvo ialah pakar automotif yang menghasilkan kenderaan yang selamat; kompetensi teras *Walmart* ialah sistem logistiknya yang hebat; dan Dell pula dikatakan mempunyai sistem pembuatan yang efisien atau *just in time manufacturing system*.

Yang menarik perhatian saya dalam konteks ini ialah apakah kompetensi kita sebagai individu, dan apakah pula kompetensi teras UniMAP sebagai institusi pendidikan? Apakah kepakaran khusus kita sebagai individu dan sebagai organisasi? Bagi pihak pengurusan, kami telah melaksana tanggungjawab dengan mengeksploit keupayaan-keupayaan saudara dengan menempatkan saudara-saudara di tempat yang kami rasakan saudara-saudara dapat berfungsi secara efektif dan seterusnya dapat menyumbang kepada perkembangan UniMAP secara positif. Sebagai contoh, Prof. Ali Yeon dengan kompetensi yang beliau miliki dan kita kenal pasti, kita meminta beliau menjaga hal-ehwal akademik; Prof. Madya Uda yang banyak pengalaman dalam penyelidikan dan aktif membuat dan menghasilkan penyelidikan, kita letakkan di Unit R&D; Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Jamaluddin kita tempatkan di Unit Pembangunan Lestari; Saudara Ghaffar kita minta menjaga projek pembangunan di kampus tetap. Mereka ini terdiri daripada individu yang mempunyai kompetensi khusus dan pakar dalam bidang kerja masing-masing. Kita telah menempatkan mereka di tempat yang paling sesuai dengan persekitaran semasa dan bertepatan pula dengan kompetensi mereka.

Pada saya, kita telah melaksana tanggungjawab memanfaatkan secara positif apa jua kompetensi teras yang dimiliki oleh setiap individu yang dijadikan contoh tadi. Begitu jugalah tindakan yang dilaksana terhadap semua staf yang lain. Persoalannya sekarang, sudahkah saya melaksana tugas dan tanggungjawab saya secara efektif dengan menggunakan apa jua kompetensi yang saya miliki? Anda bagaimana? Sudahkan anda memanfaatkan kompetensi teras anda semaksimum mungkin untuk memberikan sumbangan yang paling maksimum kepada UniMAP? Pada hemat saya, sekali lagi persoalan ini lebih tertumpu pada perkara selain daripada ilmu; kerana jika kekurangan ilmu, kita secara peribadi atau universiti sebagai organisasi dapat berusaha untuk meningkatkan ilmu dan pengetahuan dengan cara menghantarkan anda menghadiri latihan-latihan yang sesuai. Tetapi, jika anda mempunyai sikap dan nilai yang negatif terhadap kerja, pekerjaan dan cabaran, bagaimana? Apa yang patut dilakukan jika ada staf yang tidak efektif dan produktif?

Persoalan yang sama menarik ialah sudahkah UniMAP mempunyai kompetensi teras? Jika ada, apakah kompetensi terasnya? Jika Honda terkenal dengan kepakarannya sebagai pembuat enjin



kereta, dan Dell dengan *just in time manufacturing system*nya, UniMAP terkenal dengan apa? Mikroelektronik sebagai *niche area*? Cuba kita bertanya kepada bakal calon sarjana atau Ph.D di dalam negara, berapa banyakkah yang 'manggilai' UniMAP untuk dijadikan tempat menimba ilmu dalam bidang elektronik seperti 'gila'-nya kebanyakan penduduk dunia ini mahu belajar di Harvard University dalam bidang yang menjadi kompetensi teras universiti itu. Berapa banyak pula calon di pusat-pusat matrikulasi dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang memilih UniMAP sebagai universiti pilihan utama mereka? Secara ikhlas saya mengaku bahawa pada persepsi saya, kita belum mempunyai kompetensi teras lagi daripada sudut pertanyaan yang dikemukakan sebentar tadi.

Saudara-saudara mungkin tidak bersetuju dengan saya. Saya menghormati pandangan saudara. Tetapi, jika benar kita atau UniMAP belum mempunyai kompetensi teras lagi atau kepakaran yang diktiraf oleh kawan dan lawan sama ada di dalam atau di luar negara, maka mulai saat ini sewajarnya nilai ini diberi perhatian yang tinggi. Kita amat memerlukan nilai ini untuk terus relevan dalam industri yang kita ceburi. Kita memerlukan lebih banyak pakar dalam semua program yang kita tawarkan supaya wujud suatu keadaan yang rakyat Malaysia dan masyarakat antarabangsa akan 'manggilai' jenama UniMAP. Kita memerlukan lebih banyak penyelidik pakar yang dapat menghasilkan penyelidikan yang bertaraf antarabangsa sehingga dapat mewujudkan suatu fenomena yang para penyelidik antarabangsa tidak akan lelap tidur jika tidak membaca hasil penyelidikan kita yang diterbitkan di dalam jurnal milik kita sendiri. Inilah kualiti, nilai dan kompetensi teras UniMAP yang sewajarnya kita bayangkan dan idamkan pada masa akan datang.

Bagaimanapun, pada peringkat permulaan ini sudah kelihatan tanda-tanda bahawa kita mempunyai kompetensi yang menjadikan kita lebih berdaya saing. Sekadar dijadikan contoh, program-program kita mendapat akreditasi penuh selama lima tahun, sedangkan ada universiti-universiti lain terpaksa berjuang berhabis-habisan untuk mendapatkan pengiktirafan itu. Melihat dan mengalami cara kita menganjurkan Sukan Staf Antara Universiti pada tahun lalu menjadikan kita duduk dalam kelas yang tersendiri sebagai penganjur acara. Para artis budaya kita berada dalam kelas tersendiri juga. Ini bukan kata saya. Saya sekadar melontarkan semula komen-komen orang luar yang mengikuti perkembangan kita. Tahniah dan syabas. Inilah kelebihan daya saing semasa kita. Hakikatnya, kita telah meletakkan asas-asas yang baik dan *real* untuk ditunjukkan kepada semua staf tentang makna kompetensi teras. Cuma kita perlu berusaha dan bertindak lebih progresif supaya kompetensi teras kita yang sebenar yang sejajar dengan tanggungjawab teras kita dapat dijelmakan dan dijadikan kenyataan pada masa akan datang. Inilah bentuk komitmen yang saya perlukan daripada semua warga kerja UniMAP yang saya sayangi, terutamanya yang kompeten dan mempunyai kompetensi teras. Bagi yang belum merasai bahawa dirinya mempunyai kompetensi teras, nasihat saya: "tepuklah dada, tanyalah selera."

UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSOLOR 2008

“Berminda Strategis, Bertindak Progresif”

Mencapai Kelebihan Daya Saing

Warga UniMAP sekalian.

Pada tahun lalu ada saya jelaskan sedikit tentang konsep “berdaya saing” iaitu:

Pertama, dalam hal-hal yang tertentu, jika kita terkebelakang daripada pencapaian orang lain, maka kita mesti mengejar pencapaian orang itu sehingga pencapaian kita menyamai pencapaiannya. Kedua, jika kita sudah mencapai suatu tahap pencapaian yang menyamai pencapaian orang lain, kita tidak akan berpuas hati dengan pencapaian itu selagi kita tidak mencecah tahap pencapaian tertinggi yang diiktiraf oleh kawan dan lawan. Dan, ketiga, apabila kita telah mencapai tahap tertinggi itu, untuk terus kekal bersaing, kita sewajarnya terus berusaha memperbaiki pencapaian itu sehingga tiada sesiapa pun yang mampu menyaingi atau menandingi pencapaian kita. Malah, keempat, jika pun kita tahu orang lain tidak mampu mengejar pencapaian tinggi yang kita usahakan, kita akan terus berfikir secara berterusan tanpa henti untuk menciptakan suatu penanda aras baru sehingga tiada seorang pesaing pun yang sanggup menggunakan frasa “mahu menyaingi” terhadap kita. Saya berpendapat bahawa hanya dengan cara ini kita dapat terus relevan sebagai entiti yang berdaya saing seperti yang terkandung dalam misi dan visi yang kita ciptakan bersama.

Pada hari ini saya mahu berkongsi sedikit lagi tentang konsep ini. Setelah saya teliti penjelasan yang saya berikan, ternyata bahawa syarat-syarat untuk menjadi berdaya saing yang saya gariskan itu tidak memadai. Jika kita terus 'bersaing' seperti yang saya gambarkan itu, maknanya kita akan terus menciptakan ruang untuk pesaing kita mengejar kita. Meskipun saya menyebut bahawa “...kita akan terus berfikir secara berterusan tanpa henti untuk menciptakan suatu penanda aras baru sehingga tiada seorang pesaing pun yang sanggup menggunakan frasa “mahu menyaingi terhadap kita,” namun hakikat kehidupan mengatakan bahawa persaingan akan terus berlaku. Inilah yang berlaku antara pembekal perkhidmatan telefon selular di Malaysia seperti Celcom, Digi dan Maxis. Betapa pun mereka secara berterusan berusaha menciptakan penanda aras baru, namun hakikat yang dapat kita tonton bersama pada hari ini ialah ketiga-tiga syarikat ini terus bertempur dengan sengitnya. Pertembungan ini akan berlarutan sehingga ada yang mengalah atau dikalahkan dalam perjuangan untuk menjadi yang terbaik. Pertembungan seumpama ini memerlukan tenaga yang cukup banyak dan amat meletihkan.



Kita mendapati bahawa dalam usaha mereka bersaing, mereka melaksana beberapa banyak tindakan yang berbeza daripada pesaing-pesaing mereka. Konsep *differentiation* (cara bekerja yang berbeza, penciptaan proses kerja yang berbeza, pengutamaan nilai yang berbeza dan sebagainya) yang digunapakai kelihatannya tidak cukup kuat untuk segera melemahkan persaingan para pesaing. Lantaran kita perlu memikirkan suatu cara atau kaedah atau apa sahaja yang baru untuk keluar dari putaran persaingan yang tidak berkesudahan dan memenatkan. Hal ini berlaku kerana ketiga-tiga syarikat ini menawarkan produk atau perkhidmatan yang sama. Dengan asas berfikir yang sama, saya menjangkakan juga bahawa meskipun pada hari ini Air Asia kelihatan amat tinggi daya saingnya kerana menciptakan nilai-nilai yang berbeza untuk menjual perkhidmatan yang sama dengan pesaing utamanya MAS, tetapi suatu hari nanti, syarikat ini akan terperangkap juga dengan putaran persaingan itu. Jadi, apakah yang perlu dilakukan untuk keluar dari putaran persaingan? Apakah kaitannya persaingan syarikat-syarikat ini dengan kita di UniMAP?

Saya mengajak saudara-saudara berfikir tentang kemelut dunia persaingan perniagaan ini kerana kita perlu bersaing dengan sekurang-kurangnya 13 buah universiti awam dan puluhan kolej universiti dan kolej swasta setempat yang menawarkan pelbagai program kejuruteraan. Hal ini dibangkitkan juga kerana definisi strategi yang kita rujuk ada menyebut bahawa komitmen, tindakan yang direkabentukkan, dan pengeksploitanian kompetensi teras yang dilaksana adalah untuk **mencapai kelebihan daya saing** atau *competitive advantage*. Jika kita tidak mahu terperangkap dalam putaran persaingan yang memenatkan itu seperti yang berlaku antara Celcom dengan para pesaingnya, atau MAS dengan Air Asia, atau UniMAP dengan universiti-universiti lain yang menawarkan produk yang sama, apakah yang perlu kita lakukan?

Buku pengurusan strategik mengatakan bahawa *strategic competitiveness* atau kedayasaingan strategik dapat dicapai seandainya sesuatu firma berjaya menciptakan formula dan melaksana strategi penciptaan nilai. Maknanya kita perlu bersedia memberikan sesuatu yang baru dengan nilainya yang baru, sesuatu yang belum ditawarkan oleh pesaing kita supaya kita memiliki nilai yang lebih tinggi berbanding dengan pesaing-pesaing semasa. Jika sesuatu yang baru itu bukan proses baru, atau cara bekerja yang baru seperti yang dinyatakan tadi, apakah pembolehubah atau *variabel* yang perlu dibarukan atau diciptakan supaya kita berbeza daripada para pesaing kita? Kita diajarkan juga bahawa kelebihan daya saing hanya akan dapat dicapai jika kita melaksana strategi penciptaan nilai dan dengan penciptaan nilai baru itu para pesaing kita tidak berupaya meniru apa yang kita ciptakan atau mereka mendapati bahawa kosnya terlalu mahal jika mereka mahu meniru apa yang kita ciptakan. Sekali lagi saya bertanya, apakah yang perlu kita lakukan atau apakah strategi kita untuk menciptakan nilai baru yang tidak terikut oleh pesaing-pesaing kita? Terus terang saya katakan bahawa saya belum menemui jawapan pasti bagi persoalan ini. Tetapi, sebagai

UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSOLOR 2008

“Berminda Strategis, Bertindak Progresif”

hasil memahami konsep 'mencapai kelebihan daya saing' yang dimaksudkan kita perlu terus bermusyawarah, berbincang, berseminar dan berbengkel untuk mencari jalan dan kata sepakat tentang nilai-nilai baru yang wajar kita ketengahkan supaya kita bukan sahaja terus relevan dalam industri pendidikan, malah akan terus berdaya saing sehingga berupaya menjulang nama UniMAP di persada antarabangsa.

Kita perlu terus berfikir dan merancang untuk masa depan UniMAP yang gemilang. Kita perlu meramalkan masa depan. Kita perlu bertanya apakah yang diperlukan pada masa akan datang. Selepas 2010, menjelang 2015 atau melampauai 2020 apa yang perlu kita lakukan? Apakah nilai-nilai baru yang hendak kita tawarkan? Pada masa-masa mendatang adakah kita mahu terus bersaing dan bertempur dengan pesaing-pesaing kita? Atau mulai hari ini kita mula berfikir untuk mengikut nasihat W. Chan Kim dan Renée Mauborgne yang menulis buku *Blue Ocean Strategy*. Kim dan Mouborgne berpendapat, setelah melaksana kajian terhadap beberapa banyak syarikat yang berjaya, untuk berjaya, firma-firma harus berhenti bersaing; berhenti untuk menang dalam persaingan. Menurut mereka, jika mahu berjaya, kita perlu menciptakan pasaran baru, meneroka pasaran yang belum dijelajahi, menciptakan permintaan, dan/atau mewujudkan peraturan permainan yang baru. Kita perlu menciptakan samudera biru kita tersendiri seluas-luasnya. Kita perlu mengambil iktibar daripada usaha yang dilakukan oleh pencipta telefon selular semasa telefon itu mula-mula dikeluarkan atau *Federal Express* yang menawarkan nilai baru dalam industri pos. Di dalam negara ini barangkali kita perlu menilai kejayaan strategi Universiti Terbuka Malaysia yang telah memiliki puluhan ribu mahasiswa dalam suatu jangka masa yang secara relatifnya pendek. Lantaran, ada baiknya rakan-rakan saya dalam pengurusan utama, yang menjadi ketua jabatan dan dekan membuka jendela minda untuk diisi dengan maklumat-maklumat tentang pengurusan strategik syarikat-syarikat yang berjaya supaya maklumat-maklumat itu dapat digunakan untuk kita membuat keputusan-keputusan strategik pada masa akan datang.

Meskipun jawapan yang pasti belum kita temui untuk mendapatkan kelebihan daya saing kita dalam jangka masa panjang, namun terdapat beberapa perancangan baru akan kita laksana dalam beberapa tahun ke hadapan. Perincian tentang inisiatif itu terkandung di dalam Dokumen Pelan Strategik 2008-2010 yang bakal dilancarkan sebentar lagi. Secara ringkasnya, dokumen ini mengandungi matlamat jangka masa pendek, sederhana dan pendek. Matlamat ini digubal setelah kita menimbang faktor-faktor persekitaran dalaman dan luaran dalam beberapa siri bengkel perancangan strategik, perbincangan formal dan tidak formal yang dilaksanakan sebelum ini. Dokumen ini turut mengandungi hala tuju universiti untuk jangka masa tiga tahun mulai 2008. Dokumen ini disediakan dan akan diedarkan kepada semua warga UniMAP supaya setiap seorang daripada kita dapat membaca, memahami dan seterusnya membuat penyelarasan antara inisiatif dan matlamat



kerja individu dengan matlamat unit, jabatan atau pusat pengajian. Sementara unit, jabatan, atau pusat pengajian pula hendaklah menyusunkan pelan tindakan masing-masing yang sesuai, selari dan sejajar dengan hala tuju universiti seperti yang terkandung di dalam dokumen ini. Untuk memastikan proses-proses ini berjalan dengan lancar, maka sekali lagi saya berharap agar Jawatankuasa Pelaksana Pelan Strategik dan Jawatankuasa Tetap Pelan Strategik dapat memainkan peranan yang sewajarnya juga supaya segala perancangan kita dapat direalisasikan dengan jayanya.

Pelan Strategik UniMAP 2008-2010

Saudara-saudara yang budiman sekalian.

Pada tahun ini saya memilih untuk membicarakan perihal strategi kerana seperti yang dikatakan oleh Kim dan Mauborgne, bukan perusahaan atau industri yang menjadi unit analisis yang tepat untuk menjelaskan penciptaan samudera biru, tetapi langkah-langkah strategiknya. Oleh sebab itu, sebagai usaha awal kita bertindak secara strategik dan seterusnya membudayakan konsep strategik, saya berharap agar semua warga UniMAP dapat meluangkan masa membaca dan memahami Dokumen Pelan Strategik UniMAP 2008-2010 secara bersungguh-sungguh. Kita semua perlu memahami kandungannya. Jika tidak dibaca, bagaimana kita mahu melaksana aktiviti-aktiviti strategik yang dirancang. Ingatlah bahawa banyak syarikat gagal kerana pertama, kata David P. Norton (penulis bersama buku *Balanced Scorecard*), 95 peratus tenaga kerjanya tidak memahami strategi organisasi mereka; dan kedua, menurut *Fortune Magazine*, 70 peratus syarikat gagal bukan kerana strategi yang tidak baik, tetapi kerana pelaksanaannya yang teruk. Oleh sebab itu saya menuntut komitmen semua pihak untuk merealisasikan perancangan yang telah kita bentangkan.

Sehubungan dengan itu, dalam bulan Ogos tahun lalu Y.A.B Perdana Menteri telah melancarkan Dokumen Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Pelan Strategik itu telah menggariskan tujuh (7) teras strategik Kementerian Pengajian Tinggi, iaitu:

1. Meluaskan Akses dan Meningkatkan Ekuiti yang antara lain menyasarkan 50 peratus akses pengajian tertiar dan 33 peratus tenaga kerja berpendidikan tertiar.
2. Menambah Baik Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran dengan sasaran melahirkan 100,000 orang yang berkelayakan Ph.D dan penambahbaikan kurikulum secara berkala, kaedah pembelajaran interaktif dan penggunaan Bahasa Inggeris diperluas.
3. Memperteguh Penyelidikan dan Inovasi dengan sasaran membina massa kritikal PENYELIDIK (50 penyelidik, saintis dan jurutera bagi setiap 10,000 tenaga kerja), memiliki enam (6) buah universiti penyelidikan, 20 buah pusat kecemerlangan yang diiktiraf dan 10 peratus hasil

UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSOLOR 2008

"Berminda Strategis, Bertindak Progresif"





- penyelidikan dikomersialkan.
4. Memperkasa Institusi Pengajian Tinggi dengan sasaran menubuhkan satu/dua buah Universiti Apex, tiga buah IPT antara 100 buah universiti terbaik, dan satu antara 50 buah universiti terbaik di dunia, 75 peratus pensyarah berkeelayakan Ph.D dan menarafi IPT mengikut KPI.
 5. Mempertingkatkan Pengantarabangsaan dengan sasaran 10 peratus keseluruhan enrolmen terdiri daripada penuntut antarabangsa, 5 peratus mahasiswa antarabangsa dalam kursus kompetitif, 15 peratus keseluruhan tenaga pengajar antarabangsa di universiti penyelidikan.
 6. Membudayakan Pembelajaran Sepanjang Hayat, dan
 7. Mengukuhkan Sistem Penyampaian Kementerian Pengajian Tinggi

Oleh sebab pelan strategik seumpama ini amat bermanfaat bagi semua warga kerja KPT untuk memahami arah tuju pendidikan tinggi negara, maka sebagai langkah mengambil iktibar daripada inisiatif-inisiatif yang baik, maka kita menghasilkan pula dokumen yang hampir sama supaya dapat dimanfaatkan pula oleh semua warga kerja UniMAP.

Pelan Strategik UniMAP 2008-2010 menetapkan empat fasa pelaksanaan perancangan dan sasaran strategiknya iaitu:

Rajah 1: Milestone Pencapaian UniMAP 2008 hingga Melampaui 2020



- 
1. Fasa 1 ialah fasa pemurnian hala tuju Universiti (2008-2010) dengan sasaran: UniMAP kekal sebagai universiti berfokus dalam kelompok teratas universiti yang dikategorikan sebagai **'memuaskan.'**
 2. Fasa 2 ialah fasa pematapan dan pemerksaan (2011-2015) dengan sasaran: menjelang 2015, UniMAP dikategorikan dalam kelompok universiti yang **'baik.'**
 3. Fasa 3 ialah fasa cemerlang sebagai universiti yang berdaya saing (2016-2020) dengan sasaran: menjelang 2020 UniMAP dikategorikan sebagai universiti yang **'cemerlang'.**
 4. Fasa 4 ialah fasa UniMAP berdaya saing di persada antarabangsa (melampaui 2020) dengan sasaran: UniMAP diiktiraf sebagai universiti yang tersenarai dalam 500 buah universiti terbaik dunia.

Untuk merealisasikan impian ini, dalam jangka masa 2008-2010, kita telah menetapkan tujuh teras strategik yang perlu diberi tumpuan bagi semua aktiviti universiti iaitu:

- Teras Strategik 1: Memantapkan Hala Tuju Akademik
- Teras Strategik 2: Memartabatkan Kurikulum Berorientasikan Praktikal
- Teras Strategik 3: Menggemilangkan Penyelidikan dan Inovasi
- Teras Strategik 4: Mempergiat Program Pengantarabangsaan
- Teras Strategik 5: Melestarikan Pembangunan Modal Insan dan Memperbaiki Konsep Kampus Teragih
- Teras Strategik 6: Menyumbang kepada Perkembangan Agroindustri Watan
- Teras Strategik 7: Mempermantap Tadbir Urus, Sistem Penyampaian dan Menjana Sumber Kewangan

Bagi setiap teras strategik itu kita telah menetapkan hala tuju dan sasaran yang khusus dan terperinci. Oleh sebab itu, seperti yang saya tegaskan tadi bahawa setiap warga kerja UniMAP perlu membaca dan memahami kandungan dokumen ini supaya saudara-saudara dapat membuat alignment antara tugas-tugas operasional dan rutin saudara dengan sasaran-sasaran yang hendak dicapai oleh Universiti dalam jangka masa tiga tahun akan datang supaya UniMAP pula dapat mensejajarkan aktiviti-aktivitinya dengan perancangan Kementerian Pengajian Tinggi seperti yang terkandung di dalam dokumen pelan strategiknya.

UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSOLOR 2008

"Berminda Strategis, Bertindak Progresif"

Antara hala tuju, sasaran dan aktiviti baru yang bakal kita usahakan bersama ialah:

1. Perkembangan pusat pengajian dan program akademik pada masa akan datang (sekurang-kurangnya sehingga 2015) dirancang mengikut pembahagian yang berikut:
 - (a) enam puluh peratus (60%) program akademik terdiri daripada program kejuruteraan yang berfokuskan elektronik dan program-program kejuruteraan yang menyokong bidang elektronik,
 - (b) dua puluh peratus (20%) program akademik yang terdiri daripada program-program *bio-based* atau yang berasaskan bio untuk menyokong perkembangan bioindustri, dan
 - (c) dua puluh peratus (20%) program akademik yang terdiri daripada program-program yang berteraskan keusahawanan, perniagaan dan pengurusan, dan bahasa antarabangsa.
2. Menawarkan program-program pengajian baru: satu di peringkat diploma, tujuh di peringkat sarjana muda, dan enam program ijazah sarjana sains mod campuran.
3. Menggalakkan dan membudayakan penerapan hasil kajian yang diperoleh daripada aktiviti penyelidikan dalam pengajaran dan pembelajaran supaya mahasiswa mendapat pengetahuan dan maklumat terkini tentang sesuatu fenomena yang berkaitan dengan subjek yang dipelajari di dalam bilik kuliah, bilik makmal atau lantai bengkel.
4. Mempermentap aspek i atau inovasi dalam Tonggak 7-i atau *7-i Pillars* dengan menggalakkan mahasiswa terlibat dengan aktiviti inovasi melalui projek-projek penyelidikan yang mengambil kira keperluan setempat. Pada masa akan datang, sinergi idea dan tenaga para pensyarah dan mahasiswa dalam aspek ini diharapkan dapat menghasilkan teknologi yang berasaskan kejuruteraan dan teknologi-teknologi lain yang dapat dimanfaatkan oleh penduduk setempat dalam usaha mereka menyelesaikan pelbagai masalah yang berkaitan dengan pertanian, perusahaan atau perniagaan supaya mereka dapat menambahkan produktiviti.
5. Pemantauan yang berterusan akan dilaksana untuk memastikan semua pentadbiran akademik dilaksana dengan lebih serius dan konsisten oleh semua pensyarah sehingga dapat melahirkan mahasiswa yang seimbang daripada segi pencapaian akademik dalam konteks



keseimbangan penguasaan aspek teori dengan penguasaan aspek praktikal atau kerja kursus. Dari semester ke semester peratusan mahasiswa yang lulus kedua-dua komponen penilaian (teori dan kerja kursus) akan dipertingkatkan.

6. Untuk meningkatkan imej UniMAP sebagai institusi penyelidikan yang berwibawa, dengan hadirnya input-input baru, usaha-usaha penyelidikan akan digemilangkan secara konsisten. Menjelang 2010, dijangka bilangan penerbitan para penyelidik UniMAP yang diterbitkan di dalam jurnal-jurnal berimpak tinggi akan ditingkatkan. Di samping itu, jurnal dalaman UniMAP, *Jurnal Penyelidikan dan Pendidikan*, akan diberi wajah baru dengan menaikkan tarafnya menjadi jurnal antarabangsa (dalam Bahasa Inggeris) dan sekali gus meluaskan peluang para penyelidik antarabangsa memuatkan artikel penyelidikan mereka di dalam jurnal itu. Selain itu, usaha-usaha untuk mendaftarkan jurnal itu dalam pangkalan data Scopus akan direalisasikan di samping usaha-usaha lain untuk mengangkat taraf jurnal itu sehingga diiktiraf sebagai jurnal yang berimpak tinggi.
7. Meskipun pengkomersialan hasil penyelidikan bukan aktiviti atau proses yang mudah, namun dalam usahanya untuk turut serta dalam aktiviti penting ini, UniMAP akan menubuhkan UniMAP Holdings (Malaysia) Sdn. Bhd. sebagai syarikat induk UniMAP. Syarikat milik penuh UniMAP ini akan ditugasi memasarkan produk penyelidikan, menemukan para penyelidik dan industri untuk mencari kesecocokan antara penyelidikan dengan keperluan industri dalam usaha pengkomersialkan hasil penyelidikan dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan.
8. Menambahkan bilangan tenaga pengajar antarabangsa daripada kalangan akademia ternama di peringkat antarabangsa dalam bidang dan sub bidang yang ditawarkan di UniMAP. Selain membawa masuk kepakaran luar ke dalam negara, UniMAP akan menggalakkan para pensyarah/penyelidiknya menawarkan kepakaran masing-masing ke dunia luar khususnya di rantau ini dan negara-negara dunia ketiga melalui penyampaian ucapnama persidangan antarabangsa dan aktiviti penyelidikan bersama dengan rakan-rakan di universiti luar.
9. Meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pensyarah/ penyelidik dengan mengadakan kursus-kursus tambahan yang berupaya meningkatkan kompetensi mereka berkomunikasi (bertutur, menulis dan membuat persembahan) dalam Bahasa Inggeris. Inisiatif ini perlu didahului dengan penambahan bilangan pensyarah dan guru Bahasa Inggeris dari dalam negara atau pensyarah dari luar negara secara *contract for service*.

UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSELOR 2008

"Berminda Strategis, Bertindak Progresif"

10. Menghantarkan dan melatih lebih banyak staf dalam semua kategori berkursus dalam pelbagai bidang supaya staf dapat meningkatkan kompetensi masing-masing khususnya dalam aspek penggunaan ICT; penetapan KPI peringkat individu yang dipetakan dengan KPI pusat pengajian/jabatan/unit dan KPI korporat Universiti; keberkesanan dan kecekapan proses pentadbiran dan pengurusan dalam usaha mewujudkan budaya kerja cemerlang; dan sebagainya sehingga mencapai hasrat untuk menghantarkan semua staf berkursus selama tujuh (7) hari dalam setahun.
11. Mengambil staf baru yang mempunyai kelayakan yang bukan sahaja dalam bidang akademik yang sesuai tetapi turut dapat menyumbang kepada Universiti dalam pelbagai aspek seperti sukan dan kebudayaan, dan kemahiran-kemahiran lain yang dapat meningkatkan imej, reputasi dan nama UniMAP di dalam dan luar negara. Sementara staf-staf kontrak yang berkemahiran dalam pelbagai bidang di samping berkelayakan, aktif dan cemerlang dalam melaksana tugas dan tanggungjawab masing-masing akan terus diserapkan ke jawatan tetap secara berperingkat.
12. Pada masa akan datang, para mahasiswa akan didorong untuk menyertai pertandingan-pertandingan peringkat kebangsaan atau antarabangsa supaya mereka dapat merasai dan memahami konsep 'daya saing' dalam proses menghadapi pertandingan yang disertai. Mahasiswa yang menyertai apa jua pertandingan akan diberi bimbingan, latihan dan suntikan semangat supaya mereka benar-benar berdaya saing untuk menjadi juara dalam apa jua pertandingan yang disertai dan dalam masa yang sama tidak ketinggalan dalam bidang akademik.
13. Dalam tahun 2010 dijangka Kampus Alam UniMAP di Ulu Pauh akan siap sebahagian besarnya. Pada era itu UniMAP akan terus dipacu pantas melalui konsep kampus teragih dengan:
 - » 60% bangunan dan aktiviti di Kampus Alam, Ulu Pauh,
 - » 30% di Kampus Kota di sekitar Kangar dan Kuala Perlis (dengan mengekalkan sebahagian daripada bangunan yang sedia ada), dan
 - » 10% di Kampus Hijau, Sungai Chuchoh.
14. Dalam usaha menyediakan segala landskap kerasnya misalnya arca dan fasad tambahan bagi setiap bangunan, pandangan, idea, kreativiti dan tenaga semua staf akan dikumpulkan, dicernakan dan digembleng supaya dapat menghasilkan arca dan fasad yang



bertemakan kejuruteraan dengan menggunakan barangan kitar semula sehingga berupaya menjadi daya tarikan pelancong ke UniMAP dan Ulu Pauh.

15. Membangunkan pusat pengajian baru (nama yang sesuai akan ditentukan kemudian) yang akan menawarkan program-program:

- » Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Biosistem)
- » Ijazah Sarjana Muda Agro-Tropikal
- » Ijazah Sarjana Muda Agro-Bioteknologi
- » Ijazah Sarjana Muda Agro-Keusahawanan

16. Mendapatkan pengiktirafan ISO 9001: 2000 bagi Sistem Pengurusan Akademik bagi meningkatkan kualiti pengurusan akademik bagi proses-proses yang terlibat dan ISO bagi menjamin kualiti makmal (misalnya ISO 17025) dalam skop proses yang akan dikenal pasti dan ditentukan kemudian oleh Universiti melalui Unit Kualiti.

17. Mempromosikan sikap berbelanja secara berhemah dengan mengadakan kempen-kempen secara berterusan sepanjang tahun untuk menggalakkan penjimatan kos utiliti (bil telefon, air, petrol, dan elektrik) bagi urusan pentadbiran yang digerakkan oleh Jabatan Bendahari melalui semua pusat pengajian, jabatan dan unit.

Jika kita benar-benar mahu melihat UniMAP berdaya saing dalam keupayaannya tersendiri pada ketika ini dan masa depan, maka saudara-saudara usahakanlah aktiviti yang telah dirancang dan sediakanlah pelan tindakan yang sesuai untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Pada ketika ini saya amat berharap agar saudara-saudara faham mengapa ucap tama pada kali ini agak berbeza daripada yang dipersembahkan pada tahun-tahun lalu. Tujuan saya ialah demi memanfaatkan masa yang ada, minda dan emosi kita dapat ditumpukan kepada perkongsian makna konsep strategi supaya saudara-saudara dapat bereaksi secara positif dengan pelan strategik yang disediakan. Mulai saat ini marilah kita bersama-sama bertekad untuk komited dengan apa jua yang telah kita persetujui bersama dengan tema: "Berminda Strategis, Bertindak Progresif."

UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSOLOR 2008

"Berminda Strategis, Bertindak Progresif"

Penutup

Sebelum saya menutup bicara pada pagi ini, saya mahu mengajak saudara-saudara menjenguk kembali persoalan-persoalan yang dilontarkan pada bahagian awal ucapatama ini. Setelah kita memahami bahawa konsep strategi melibatkan suatu set komitmen, tindakan yang bersepadu dan terselaras dengan mengeksploitasikan kompetensi teras untuk mencapai kelebihan daya saing, apakah jawapan saudara kepada soalan-soalan itu?

- » Apakah *strategi* kerja kita pada masa muda (yang masih bertenaga) sebelum tibanya masa tua (yang secara relatifnya kurang berupaya) sebelum diberi nikmat muda yang berpanjangan di akhirat kelak?
- » Apakah *strategi* kerja kita pada masa masa lapang sebelum tibanya kesibukan sebelum diberi nikmat kelapangan yang berterusan di akhirat kelak?
- » Apakah *strategi* kerja kita pada masa sihat sebelum tibanya masa sakit sebelum diberi nikmat sihat yang tidak tersekat di akhirat kelak?
- » Apakah *strategi* kerja kita pada masa kaya sebelum tibanya kefakiran supaya kekayaan abadi dapat dinikmati di akhirat?
- » Apakah *strategi* kerja kita semasa hidup sebelum tibanya maut untuk berhadapan dengan kehidupan yang tiada noktahnya di akhirat?

Seterusnya marilah kita bersama-sama membaca surah al-fatimah supaya pahalanya dapat kita sedekahkan kepada saudara-saudara kita yang telah meninggalkan kita untuk menemui Allah yang Maha Memiliki segala-galanya. **Al-Fatihah.**

Bagi pihak warga UniMAP, saya merakamkan ucapan takziah dari lubuk hati yang suci bersih kepada semua anggota keluarga kita yang kehilangan orang yang tercinta. Bagi yang baru balik menunaikan fardu haji, saya mendoakan agar saudara-saudara mendapat haji mabrur. Dan, yang baru mendirikan rumahtangga dan yang baru mendapat cahaya mata, lahirkanlah dan didiklah anak bangsa menjadi modal insan yang mempunyai kelebihan daya saing di persada antarabangsa. Terimalah seuncang petikan kata-kata mutiara yang saya titipkan pada tahun lalu buat ingatan dan bekal perjalanan:



**Ikhlas menolong tak harap sanjung
Ikhlas berbudi tak harap puji
Ikhlas berkorban tak harap imbalan
Ikhlas bekerja tak harap upah
Ikhlas memberi tak harap ganti
Ikhlas memerintah tak harap sembah**

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih.

Wabillahi taufiq wal hidayah

UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSOLOR 2008

"Berminda Strategis, Bertindak Progresif"

Sekalung Penghargaan

Universiti Malaysia Perlis

Merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan

UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSOLOR 2008

Terima Kasih

WAWASANKU

Universiti Malaysia Perlis
Alam Kejuruteraan
Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan
Wawasan Jiwa Kita

Berdikari, Rohaniah, Berteknologi
Pemimpin Berbestari
Untuk Bangsa, Insan Dan Umat Dunia
Negara Yang Tercinta

Universiti Malaysia Perlis
Alam Kejuruteraan
Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan
Wawasan Jiwa Kita

SEMANGAT UniMAP

Visi Universiti Visi Berintegriti
Dinamik Bangsa Berinteraksi
Visi Kita Semua Membina Jiwa Minda
Sama Semangat Untuk Negara (2X)

Visi Cemerlang Gemilang Terbilang ! (2X)

UniMAP...!!!

ILMU | KEIKHLASAN | KEGEMERLANGAN

**ISTIADAT KONVOKESYEN KE-2
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**
15 Ogos 2007 | ILMU • KEIKHLASAN • KEGEMERLANGAN
www.unimap.edu.my



www.unimap.edu.my

UniMAP